

# Memperkasa bahasa kebangsaan

Generasi muda Malaysia mesti bangga bertutur, guna lingua franca sendiri

BH-23/7/2007

Oleh Sarjit Singh Gill

**B**ARU-baru ini saya menghadiri Seminar Bahasa Rojak: Kecelaruhan penggunaan bahasa Malaysia yang dianjurkan bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Persatuan Bahasa Moden Malaysia. Upacara perasmian seminar disempurnakan Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah.

Saya kagum mendengar upacara baginda yang mengambil berat perkembangan bahasa Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Islam Melaka sehingga hari ini. Baginda turut bertitah mengenai pentingnya peranan rakyat Malaysia dalam usaha memartabatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan.

Titah baginda yang sarat dengan mesej untuk mendaulat serta memperkasakan bahasa Malaysia perlu dijadikan panduan dan rujukan masyarakat Malaysia terutama di kalangan ahli politik. Ada ahli politik pasca moden kini yang gemar sangat bersandiwara mengenai isu bahasa sehingga 'terlupa' mengenai Perkara 152 itu.

Perkara ini memberi kesan psikologi kepada pencinta dan pejuang bahasa serta budayawan yang setia mempertahankan maruah bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara. Saya bukan pakar bahasa sebaliknya ahli antropologi sosial yang mengambil berat isu sosial menyentuh hal ehwal kemanusiaan dan kemasyarakatan.

Saya berasa amat tidak selesa dengan pertukaran status bahasa Melayu kepada bahasa Malaysia yang dicanang hebat oleh media massa baru-baru ini. Pada fikiran saya, pertukaran itu mengandungi agenda dan kelangsungan politik segelintir pihak untuk masa depan mereka. Soalnya, mengapakah bahasa Melayu sering diperkotak-katikkan dan tidak dihormati sehingga dijadikan tema politik sepanjang masa?

Apakah kita semua lupa sejarah perkembangan bahasa Malaysia dan potensinya sebagai bahasa maju dari segi bilangan penuturnya pada peringkat serantau dan antarabangsa? Mengapakah kita sering menuding jari kepada DBP kerana tidak proaktif mendaulatkan bahasa Melayu?

Bukankah kita semua seharusnya bertanggungjawab kerana memundurkan bahasa Malaysia sehingga memperlekehkan usaha murni pejuang bahasa dalam mendaulatkan bahasa Malaysia? Pada hemat saya semua persoalan ini perlu difikirkan menggunakan akal rasional dan terbuka.

Seminar Bahasa Rojak bertemakan kecelaruhan penggunaan bahasa Malaysia mengundang banyak persoalan dalam diri saya. Secara ringkas, saya melihat hala tuju seminar itu kepada dua arah bertentangan.

Di satu pihak, pejuang bahasa giat mempertahankan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, manakala di satu pihak lain ada yang berminat mempromosikan bahasa rojak sebagai identiti baru masyarakat Malaysia. Penulis bingung dan keliru mengenai objektif seminar berkenaan.

Saya memuji semangat juang Datuk Dr Hassan Ahmad, bekas Ketua Pengarah DBP dalam memperjuangkan nasib dan masa depan bahasa Melayu. Pada hemat saya, beliau adalah tokoh pejuang bahasa yang mempunyai prinsip tinggi dan mantap serta lantang dalam menegakkan kebenaran untuk kelangsungan bahasa Melayu.

Penulis jarang melihat ahli politik semasa terutama generasi muda yang mempunyai daya juang seperti ini. Penulis bersetuju pandangan Hassan bahawa "pada hari ini orang Melayu yang paling banyak bercelaru dalam penggunaan bahasa Melayu. Mengapa? Kebanyakan kecelaruhan ini dilakukan orang Melayu yang mengetahui bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Mereka, mungkin secara tidak disedari, sering berfikir dalam atau menerusi bahasa Inggeris, akibatnya mereka melakukan kesalahan bahasa, baik pada peringkat sistem atau struktur mahupun pada peringkat léksikal dan bentuk kata."

Penulis juga bersetuju bahawa kesalahan bahasa timbul apabila bahasa yang digunakan menyalahi peraturan bahasa 'asli' bahasa Malaysia.

Pada hemat saya golongan yang mempromosikan bahasa rojak sebagai satu identiti baru ini adalah mereka yang dimaksudkan oleh Hassan. Malah mereka juga mempunyai pengetahuan cetek mengenai sejarah perkembangan bahasa Malaysia.

Golongan ini pada firasat saya amat 'nakal' kerana lebih berminat menggunakan bahasa rojak, iaitu campuran bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris serta bahasa lain dalam perbualan dan ketika menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS). Alasannya, perbualan lebih mudah dan santai. Namun, mereka lupa bahasa rojak inilah yang mencemarkan imej bahasa Malaysia.

Penggunaan bahasa Malaysia 'caca marba' semakin berleluasa di kalangan generasi muda. Perkara ini dimotivasikan banyak pihak termasuk penggiat seni yang memaparkan filem dengan mesej celaru dan melanggar norma penggunaan bahasa Malaysia.

Kalangan penggiat seni juga gemar menyalahkan DBP kerana tidak proaktif dalam meluaskan perbendaharaan kata bahasa Malaysia. Betulkah dakwaan itu? Seingat saya DBP menjalankan peranan dengan bersungguh-sungguh. Cuma mungkin ada pihak yang terlepas pandang.

Saya berpendapat kebanyakan penggiat seni hanya seronok memberi perhatian dalam usaha melariskan filem dari segi pulangan sehingga mengabaikan peranan mereka menjaga maruah bahasa Malaysia.

Tidak dapat dinafikan generasi muda amat gemar filem berbentuk tahyul dan hiburan. Mereka kurang berminat soal identiti bangsa dan memperkasa bahasa Malaysia. Perkara ini amat memalukan kerana filem menggunakan bahasa rojak, sudahlah bahasanya rojak banyak pula mengundang mesej bercelaru dan bertentangan nilai murni serta ketimuran termasuk Prinsip kelapan Islam Hadhari, iaitu keutuhan budaya dan moral.

Apakah langkah berkesan untuk mengorientasikan semula pemikiran rakyat Malaysia agar peka dengan penggunaan bahasa Malaysia yang betul? Peranan DBP begitu penting dalam hal ini. Rakyat Malaysia boleh menggunakan internet, menerusi portal rasmi DBP untuk mendapatkan maklumat mengenai kegiatan DBP.

Pangkalan data Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kebangsaan Malaysia mengenai alam Melayu amat penting diberikan perhatian oleh rakyat Malaysia. Usaha gigih dan murni bekas pengarah Atma, Profesor Datuk Dr Sham-

sul Amri Baharuddin, dalam memperkayakan maklumat mengenai bahasa, sastera dan budaya masyarakat di alam Melayu termasuk pantun wajar dicontohi oleh Kementerian dan agensi kerajaan.

Maklumat yang mendalam mengenai alam Melayu yang majoritinya ditulis dalam bahasa Malaysia menjadi sumber panduan penting bagi pelajar dan pengkaji asing yang berminat mempelajari bahasa Malaysia dan menjalankan kajian mengenai alam Melayu. Peranan semua ahli masyarakat perlu diberi perhatian secara murni dan harmoni. DBP perlu menerima realiti dan cabaran dihadapi dalam usaha memajukan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi.

Jika semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum komited dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing, hasrat kerajaan menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa komunikasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 2020 pasti tercapai.

Peranan institusi DBP wajar dimantapkan dan diberikan 'kuasa mutlak' menegur atau mengambil tindakan kepada pelbagai pihak yang merendahkan status bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan.

Justeru, semua lapisan masyarakat wajar diketengahkan dalam konteks memajukan bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia mempunyai potensi luas untuk berkembang kerana mudah dipelajari dan difahami rakyat Malaysia dan antarabangsa.

Pengisian modal insan cukup penting dalam memartabatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi terutama kita sedang menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara.

Bahasa Malaysia dapat menjadi bahasa pembangunan negara jika DBP dan rakyat Malaysia bersatu dan seterusnya membuktikan kepada dunia bahawa sejarah bahasa Malaysia sebagai 'lingua franca' kekal warisannya. Soalnya, bila kita hendak bertindak? Adakah kita menunggu generasi muda menuntut hak untuk menjadikan bahasa rojak sebagai bahasa rasmi negara?

Dr Sarjit Singh Gill adalah pensyarah Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)